

13/06/2001

Agensi disyor buat taklimat media sebulan sekali

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mencadangkan kementerian dan agensi kerajaan mengadakan taklimat khusus untuk media sekurang-kurangnya sebulan sekali bagi menjelaskan sesuatu isu untuk membolehkan orang ramai lebih memahaminya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, taklimat media itu penting kerana ia juga boleh mengelakkan kenyataan bercanggah, maklumat yang silap atau kurangnya kefahaman mengenai sesuatu masalah yang timbul.

"Saya ingin menyeru semua kementerian dan agensi kerajaan supaya meneliti semula cara atau mekanisme saluran maklumat masing-masing," katanya pada majlis penyampaian sijil piawaian antarabangsa ISO 9002 kepada Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), di sini.

Hadir sama ialah Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob; Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Dr Arshad Hashim; Pengerusi Lembaga Pengelola Bernama, Datuk A Kadir Jasin dan Pengurus Besar Bernama, Syed Jamil Jaafar.

Abdullah turut melawat bilik berita Bernama, unit foto, unit audio visual dan perpustakaan.

Pada sidang akhbar kemudiannya beliau berkata, rakyat kini menuntut untuk mendapat sebanyak mungkin maklumat mengenai sesuatu isu yang berlaku.

Oleh itu, katanya, adalah lebih baik taklimat sebulan sekali atau dua minggu sekali itu diadakan antara kementerian, agensi kerajaan dan media.

Ketika ditanya bahawa media sering menghadapi masalah mendapatkan maklumat daripada menteri atau pegawai atasan sesebuah kementerian atau agensinya, Abdullah berkata masalah itu akan dimaklumkan kepada pihak terbabit apabila mengadakan perjumpaan dengan mereka nanti.

Beliau berkata, pegawai atau jurucakap yang memberi kenyataan mestilah dilatih supaya mereka cekap dan yakin dalam menghadapi soalan daripada orang ramai atau pihak media terutama mengenai keadaan krisis.

Sebagai contoh, katanya, ketika krisis ekonomi baru-baru ini, berita ekonomi yang dikeluarkan oleh media tempatan membantu memberi gambaran sebenar mengenai situasi kewangan dan ekonomi negara sehingga dapat memberi keyakinan kepada rakyat mengenai kedudukan ekonomi dan kewangan negara.

"Kita sama-sama fahami kenyataan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa kegawatan ekonomi... dengan kefahaman yang baik dan jelas itu, senanglah kita yakinkan pelabur. Oleh itu kita dapati keadaan kita tidaklah teruk seperti di negara lain," katanya.

Abdullah turut menekankan pentingnya maklumat yang disalurkan kepada media itu jelas supaya tidak menimbulkan kekeliruan yang akan hanya menjejaskan usaha dan kewibawaan kerajaan.

"Dalam zaman teknologi moden ini, sebarang maklumat sama ada betul atau salah, senang sahaja didarkan melalui Internet. Oleh itu kecekapan menyalurkan maklumat yang tepat dan cepat oleh agensi kerajaan dapat membanteras sebarang kesangsian atau khabar angin," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan penswastaan Bernama, beliau berkata setakat ini kerajaan belum bercadang berbuat demikian kerana apa yang penting ialah agensi berita itu berusaha sedaya upaya mencapai kejayaan.

Katanya, kerajaan mahu agensi berita nasional itu berusaha mencapai kecemerlangan dan menunjukkan kredibiliti yang tinggi walaupun tidak diswastakan.

"Penswastaaan tidak perlu dianggap satu perubahan yang boleh menjadikan Bernama lebih hebat. Kehebatan Bernama boleh dicapai tanpa menukar statusnya," katanya.

Abdullah berharap Bernama dapat memainkan peranan sebagai pemimpin dan membawa perubahan serta melahirkan keyakinan kepada pelanggan mereka apabila menjadi presiden Pertubuhan Agensi Berita Asia-Pasifik (OANA) bagi tempoh 2003-2006.

Beliau berkata, kejayaan Bernama memperolehi persijilan ISO 9002 daripada sebuah institusi perakuan standard antarabangsa menunjukkan ia sudah memenuhi kehendak piawaian dan prosedur yang ketat.

(END)